

Saintis di NUS temui sel darah putih yang boleh musnahkan sel denggi

SEKITAR 390 juta orang dijangkiti denggi di serata dunia namun sehingga hari ini, tidak ada ubat ditemui bagi penyakit endemik itu.

Satu penyelidikan baru-baru ini oleh sekumpulan saintis daripada Sekolah Perubatan Siswazah Duke-NUS dan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, Universiti Nasional Singapura (NUS) mendapati satu jenis sel darah

putih yang terdapat di kulit memainkan peranan penting dalam memusnahkan sel denggi.

Sel-sel itu, yang dipanggil *T lymphocytes* (sel T), boleh mencegah sel yang dijangkiti denggi daripada berganda dalam tubuh.

Kebanyakan sel darah putih itu ditemui di dalam kulit.

Menjelaskan kepentingan penemuan itu, salah seorang penyelidik yang terlibat dalam penye-

lidikan tersebut, Profesor Madya Paul Macary, daripada Sekolah Perubatan NUS, berkata kajian itu menunjukkan peri pentingnya sel T dalam membangunkan vaksin denggi berkesan.

Sehingga kini, pembangunan kebanyakan vaksin denggi tertumpu pada mengasingkan satu lagi jenis sel darah putih yang menghasilkan antibodi bagi membunuh sel denggi.

Penyelidikan itu, yang bermu-

la sekitar lima tahun lalu, melibatkan pengumpulan sampel darah daripada 200 pesakit dewasa berusia 21 hingga 67 tahun yang dirawat di sini bagi denggi.

Sel-sel itu, yang boleh mengenali virus denggi, kemudian diasing dan dipisahkan daripada sel-sel lain dalam sampel darah itu.

Seorang penyiasat utama penyelidikan tersebut, Dr Laura Rivinom daripada Sekolah Peru-

batan Siswazah Duke-NUS, berkata langkah seterusnya ialah mencari bagaimana sel T itu boleh dihasilkan semasa pemvaksinan.

Penemuan penyelidikan itu telah diterbitkan bulan lalu dalam jurnal *Science Translation Medicine*.

Pada 2013, kes denggi di sini mencapai jumlah rekod 22,170, dengan tujuh kematian dilaporkan.